

APO-INDAPAMIDE TABLET

Indapamide (2.5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Apo-Indapamide
2. Bagaimana Apo-Indapamide berfungsi
3. Sebelum menggunakan Apo-Indapamide
4. Cara menggunakan Apo-Indapamide
5. Semasa menggunakan Apo-Indapamide
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Indapamide
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apa kegunaan Apo-Indapamide

Indapamide tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil diuretik ("pil air"). Ubat ini diambil secara sendiri atau dengan perubatan yang lain untuk merawat tekanan darah tinggi.

Bagaimana Apo-Indapamide berfungsi

Perubatan ini berfungsi untuk menyahkan air dan garam berlebihan daripada badan.

Sebelum menggunakan Apo-Indapamide

- Bila anda tidak boleh menggunakan

Indapamide tidak boleh diambil oleh mereka:

- yang alah kepada perubatan indapamide atau sulfa (sulfonamide) (cth, sulfamethoxazole) atau kepada sebarang bahan kandungan di dalam ubat ini
- yang tidak boleh membuang air
- yang berada dalam koma hepatic (keadaan koma

disebabkan oleh penyakit hati yang teruk)

- mempunyai komplikasi serebrovaskular (gangguan peredaran darah ke otak)

- Sebelum mula menggunakan Apo-Indapamide

Beritahu doktor anda jika:

- Anda menghidap kencing manis.
- Anda menghidap penyakit gout, buah pinggang atau hati.
- Anda hamil, bercadang untuk hamil, atau sedang menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Agen-agen berikut boleh mempengaruhi keberkesanan indapamide atau meningkatkan risiko mendapat kesan sampingan:

- alkohol
- barbiturat
- narkotik (cth, morfin)
- perubatan yang merendahkan tekanan darah

Indapamide boleh mempengaruhi keberkesanan perubatan berikut atau meningkatkan risiko mendapat kesan sampingan:

- digoxin
- insulin
- lithium

Cara menggunakan Apo-Indapamide

- Berapa banyak harus digunakan

Dos yang disyorkan untuk pesakit dewasa ialah 2.5mg sekali sehari pada waktu pagi. Jika jumlah dos ini tidak dapat mengurangkan

tekanan darah tinggi anda, doktor anda mungkin akan menambah ubat penurunan tekanan darah yang lain yang bukan diuretik atau ubat diuretik yang lain. Jangan melebihi dos harian 2.5 mg.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Jangan hentikan pengambilan ubat ini tanpa merujuk kepada doktor anda terlebih dahulu. Penghentian secara tiba-tiba boleh menyebabkan keadaan anda menjadi lebih teruk.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat semula.

Jika sudah hampir masa untuk pengambilan dos seterusnya, anda tidak perlu ambil dos yang sudah terlepas. Hanya ambil dos yang seterusnya pada waktu yang ditetapkan. Jangan ambil dos berganda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, dalam semua kes, rawatan ini perlu dihentikan dan anda perlu menghubungi doktor anda atau pergi ke bahagian kecemasan pada hospital yang berdekatan dengan segera.

Semasa menggunakan Apo-Indapamide

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda

sedang menggunakan Apo-Indapamide.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Apo-Indapamide dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan berikut akan hilang setelah badan anda menjadi biasa dengan ubat ini; rujuk kepada doktor anda sekiranya kesan sampingan ini berlanjutan atau memberi gangguan.

Kesan sampingan yang paling ketara dan biasa daripada ubat ini termasuk *hypokalemia* (tahap kalium rendah dalam badan), *hypochloremia* (tahap ion klorida yang rendah dalam badan), *hyponatremia* (tahap garam rendah). Kesan sampingan yang lain mungkin termasuk perasaan mengantuk, kesukaran tidur, loya, muntah, kekejangan otot,

tachycardia (kadar jantung tinggi), ruam.

Senarai ini tidak mengandungi kesan sampingan yang lengkap dan kesan lain juga mungkin berlaku. Beritahu doktor anda tentang sebarang kesan sampingan yang luar biasa atau mengganggu.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers →Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Indapamide

- Penyimpanan

Anda diingatkan supaya menyimpan APO-INDAPAMIDE. dan semua ubat-ubat lain jauh daripada kanak-kanak.

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang tertera pada bekas ini.

Simpan APO-INDAPAMIDE pada suhu bilik (bawah 30°C).

Simpan dalam bekas tertutup.

- Pelupusan

Sekiranya anda masih mempunyai lebihan ubat ini selepas anda hentikan pengambilannya atas arahan doktor atau kerana anda dapati ubat ini telah melepasi tarikh luputnya, sila rujuk kepada ahli farmasi anda tentang langkah yang perlu diambil.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Warna merah jambu, berbentuk bulat, dwicembung, bersalut filem, berukir "2.5" pada satu permukaan dan kosong pada satu lagi, mengandungi 2.5mg indapamide.

- Bahan-bahan Kandungan

- Bahan aktif: Indapamide

- Bahan tidak aktif: *Anhydrous lactose, magnesium stearate, croscarmellose sodium, hydroxyethyl cellulose, polyethylene glycol, titanium dioxide, D&C Red #30 Aluminium Lake 30%* dan *Purified Water*.

- Nombor MAL

MAL 19986967A

Pengilang

Apotex Inc.
150 Signet Drive
Weston Toronto Ontario
M9L 1T9 Canada

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaforte (M) Sdn Bhd
2, Jalan PJU 3/49
Sunway Damansara
47810 Petaling Jaya

Tarikh Kemaskini RiMUP

4/12/2014

No siri

BPFK(R4/1)031214/00069